

NAMA:

TARIKH:

Tajuk: Bersikap Adil Dengan Semua

Baca petikan di bawah dan jawab soalan berikut.

Sumber: Buku teks Pendidikan Moral muka surat 54.

Bersikap Adil kepada Masyarakat

Baca dan fahami cerita di bawah.

PENGAYAAN

1 Ramesh sedang membersihkan Dewan Masyarakat Kampung Sentosa. Tiba-tiba sepupunya datang mengadu.

Saya kehilangan raket. Saya nampak Jeremy berada di situ tadi.

2 Walaupun Ramesh dan Rajan bersaudara, dia menyiasat perkara itu secara adil.

Kita mesti siasat.

3 Ramesh telah bertanya kepada Jeremy untuk mendapatkan jawapan.

Jeremy, kamu nampak raket di atas meja itu?

Saya telah mengalihkan raket itu semasa mengangkat meja tadi. Maaf, saya tidak tahu siapa pemiliknya.

4 Rajan tersenyum kerana raketnya telah dijumpai. Dia mengucapkan terima kasih kepada sepupunya, Ramesh.

Ramesh, kamu seorang yang adil. Walaupun kita bersaudara, kamu tidak bersikap berat sebelah.

Sikap adil perlu diamalkan agar hati tenang dan kita dihormati masyarakat.

NAMA:

TARIKH:

1. Apakah sikap adil yang ditunjukkan oleh Ramesh?

a. Ramesh bertanya tentang raket kepada Jeremy.

b. Ramesh menuduh Jeremy mengambil raket Rajan.

2. Apabila sikap adil diamalkan, kita akan _____.

a. sentiasa murung dan sedih.

b. berasa tenang dan dihormati oleh masyarakat.

3. Apakah yang akan berlaku sekiranya Ramesh **tidak** adil membuat keputusan?